



PANDANGAN SEMESTA MELAYU

Pantun

Penyelenggara
ROGAYAH A. HAMID
JUMAAH ILIAS



Cetakan Pertama 2006
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2006

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Pandangan semesta Melayu : pantun / penyelenggara Rogayah A. Hamid,
Jumaah Ilias.

ISBN 983-62-8828-7

1. Pantun—History and criticism. 2. Malay poetry—History and criticism.

I. Rogayah A. Hamid, 1954-. II. Jumaah Ilias.

899.23109

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

Kajian Teromba Kepimpinan dan Perlanjutan Tradisi dalam Sistem Adat Perpatih

MOHD. ROSLI SALUDIN

BAHASA Melayu tidak kalah dengan untaian kata yang setanding, yang dimiliki oleh bahasa-bahasa lain, terutama kata-kata yang terdapat dalam teromba kepimpinan dan perlanjutan tradisi yang mengungkapkan nilai-nilai dan estetika yang mendalam. Suasana ini memperlihatkan Bahasa Melayu bahasa yang bertamadun dan bermaruah sejak berkurun-kurun lalu. Malahan, bahasa teromba inilah yang telah membentuk kepimpinan yang unik dalam sistem Adat Perpatih.

Ramai yang salah faham dan tidak memahami secara mendalam tentang kepimpinan dan perlanjutan tradisi dalam Adat Perpatih. Salah faham ini bukan sahaja dalam kalangan rakyat biasa, malah dalam kalangan pemimpin juga. Mereka berasakan kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih telah usang dan tidak seharusnya digunakan lagi, malahan segelintir masyarakat pengamal yang tidak memahami juga beranggapan demikian.

Pemilihan dan pelantikan penyandang pusaka adat pada masa kini, ada yang telah dibuat tidak berasaskan aturan adat tradisi dan pusaka yang sebenar di luak-luak berkaitan. Berlaku perpecahan dan perbezaan pendapat dalam menentukan bakal calon. Terdapat juga sekumpulan waris cuba mengekalkan pusaka ketua adat itu dalam satu-satu perut sahaja dan meninggalkan perut yang lain. Timbul juga unsur dan pengaruh luar dalam kepimpinan yang tidak berkaitan dengan aturan adat dan pusaka yang telah mempengaruhi keputusan pembuat keputusan bagi tujuan muslihat dan kepentingan tertentu. Keadaan seperti ini telah menimbulkan konflik dalam kepimpinan Adat Perpatih yang kadangkala begitu sukar untuk diselesaikan.

Penulis cuba mencari konsep muafakat dan budi yang sering dijadikan amalan dalam teromba yang diamalkan. Di mana letaknya konsep ini sekarang? Sepatutnya, sesuatu keputusan yang hendak dibuat, seperti mencari bakal pengganti penyandang pusaka mestilah dicapai dengan kebulatan dan muafakat. Penulis akan cuba mencari kenapa sering konsep muafakat diabaikan dan diperkatakan dari segi teori sahaja. Melalui perlanjutan tradisi muafakat ini barulah kepimpinan Adat Perpatih itu akan menjadi padu dan disegani serta menjadi contoh teladan.

Bilangan orang atau kepimpinan yang mahir dari segi teromba telah berkurangan. Apabila mereka tidak mahir dari segi teromba, maka kepimpinan adat kehilangan panduan. Maka akan berlakulah beberapa penyelewengan dalam menjalankan tugas dan setiap keputusan yang dibuat mengikut kefahaman sendiri sahaja. Mereka ibarat lalu dalam gelap sahaja tanpa menggunakan penyuluh yang sebenarnya. Sebaliknya pula bilangan yang menjadi pak turut semakin bertambah dan mereka lebih cenderung kepada konsep "singkap daun ambil buah" sahaja. Terdapat juga tindakan mereka terhadap anak buah bercanggah dari segi Adat Perpatih sebenar sehingga menyusahkan anak buah. Penulis akan cuba menyelongkar secara lebih dalam terhadap permasalahan ini dan kajian semestinya dikaitkan dengan teromba.

Ramai yang masih keliru mengenai teromba yang terkandung dalam kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih. Ada antaranya menjadi kontroversi dan menimbulkan perbincangan dan perbahasan yang tidak kurang hebatnya. Penulis akan cuba menghuraikan secara ringkas maksud dan tujuan yang terkandung dalam falsafah teromba kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih ini. Antara teromba yang menimbulkan kekeliruan itu ialah “Biar mati anak, jangan mati adat”, “rezeki secupak tak jadi segantang”, pembahagian harta pusaka, nikah sewaris, biar lambat asal selamat.”

Kita lihat contoh, ungkapan teromba, “biar mati anak, jangan mati adat” yang menjadi pegangan asas kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih sering disalahtafsirkan. Satu masa dahulu, dalam tahun 1946, Datuk Onn sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu pernah menyuarakan sebaliknya, “Biar mati adat jangan mati anak”. Jika dikaji ungkapan tersebut, sangat-sangat bertentangan dengan Adat Perpatih. Ungkapan ini seolah-olah ingin melindungi anak walaupun mereka melakukan kesalahan. Sikap yang sebegini tidak baik, malahan hingga sekarang ada pemimpin-pemimpin kita yang beranggapan negatif kepada Adat Perpatih. Semua ini berlaku disebabkan mereka kurang memahami apakah sebenarnya yang dikatakan adat itu, kerana selalunya mereka mengaitkan adat itu dari segi nilai yang negatif.

Banyak perkara yang patut diselesaikan oleh kepimpinan Adat Perpatih itu sendiri. Kebanyakan permasalahan telah menjadi bahan perbualan umum, senda gurau, ejekan, dan bahan ketawa bagi sesetengah mereka yang kurang memahami atau sengaja membesar-besarkan sesuatu yang jarang-jarang berlaku. Misalnya soal perceraian dikatakan pihak lelaki akan keluar rumah sehelai sepinggang atau berseluar pendek sahaja kerana segala harta habis dimiliki atau dalam kata yang lain akan dikikis oleh isteri atau keluarga isteri dan mentuanya. Perkara seperti ini jarang-jarang berlaku dan ia adalah kerana tersilap pentafsiran sahaja.

Banyak lagi masalah asas yang dapat diselesaikan oleh kepimpinan Adat Perpatih itu sendiri dan dengan cara itu

barulah perlanjutan tradisi adat boleh berjalan lancar. Semuanya, kepimpinan Adat Perpatih bukanlah ini akan menjadi bahan kajian penulis sendiri. Sebenarnya, kepimpinan Adat Perpatih bukanlah semata-mata cerita dongeng tetapi ia suatu adat atau peraturan hidup yang sangat bersesuaian dengan amalan pemerintahan secara demokrasi berparlimen sekarang ini.

Melalui kajian ini, penulis cuba memberi pengertian teromba tentang kepimpinan dan perlanjutan tradisi mengikut konteks masyarakat pengamalnya. Huraian secara jelas terhadap ungkapan teromba akan diberikan. Diharap segala kekeliruan terhadap kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih akan berubah.

Asal Usul Teromba

Teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dikenali sebagai Adat Minangkabau, iaitu sama ada Adat Temenggung atau Adat Perpatih yang mula digunakan di Minangkabau. Di Malaysia, Adat Perpatih masih diamalkan di Negeri Sembilan, khususnya di Daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu, dan Seremban serta sebahagian negeri Melaka seperti Daerah Naning dan Alor Gajah. Negeri-negeri yang lain mengamalkan Adat Temenggung, tetapi bukanlah Adat Temenggung yang difahamkan sebagai Adat Minangkabau. Adat Temenggung Malaysia dikenali sebagai adat Melayu atau adat kampung yang seluruhnya disesuaikan dengan aturan-aturan hukum syarak mengikut Mazhab Shafie (Abdullah Siddik, 1975:160).

Menurut Mohd. Taib Osman, teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat yang dasar (1975:136). Harun Mat Piah menjelaskan bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka (1989:424).

Ali Ahmad pula lebih menekankan aspek puisinya. Beliau menjelaskan bahawa teromba sebagai gubahan puisi bebas yang indah dan sekali gus dapat memberikan pengalaman yang benar dan peraturan-peraturan hidup (1978:58).

Mengikut Wilkinson, teromba pada makna asalnya ialah salasilah keturunan (*geneology*) seseorang, sesuatu kumpulan masyarakat, suatu bangsa, suatu sistem dan sebagainya. Teromba juga mempunyai istilah yang lain, antaranya ialah "terasul" dan "tambo" (1901:163).

Menurut *Kamus Dewan*, teromba ialah sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo atau riwayat (1994:1435). Dialek Negeri Sembilan menyebutkan 'terambo' dengan huruf "r"nya seperti bunyi "ghain" nipis. Dialek Minang pula 'tambo' yang mungkin pula daripada perkataan "tarambo" tetapi telah digugurkan bunyi "r"nya. Kadang-kadang ia disebut juga sebagai "terasul", "kata-kata adat" atau "perbilangan adat". Walau apa pun namanya dipanggil ia bermaksud atau menekankan unsur sejarahnya, unsur sasteranya, kata-kata berirama, dan diungkapkan dari mulut ke mulut sejak zaman berzaman. Contohnya:

*Tau nang kecil pada nang besar
Tau nang besar pada nang tua
Tau nang tua pada nang dulu-dulu
Tau nang dulu-dulu pada nenek moyang.*

(Mohamad Ibrahim, Ampang Tinggi,
Negeri Sembilan, 11 Mei 1997)

Salasilah adat atau teromba itu dalam penggunaan yang sebenarnya diwariskan turun-temurun, misalnya dalam majlis perbincangan yang beradat, istiadat meminang, nikah kahwin, dan lain-lain (Mohd. Din Ali, 1957:10). Dilihat dari aspek semantik, istilah "tambo" membawa maksud babad, hikayat atau riwayat kuno. Seterusnya "tambo" sama maksudnya dengan "babad" dalam bahasa Jawa Kuno atau Sunda. Menurut kepercayaan atau pandangan masyarakat setempat dari turun-

temurun, kata “tambo” atau “babad” digunakan sebagai judul cerita prosa lama yang biasanya disebut sistem sejarah atau Histriografi Tradisional.

Di samping kata “sejarah”, karya Sastra Sejarah dalam sastra Melayu menggunakan kata “hikayat”, “silsilah”, dan “tambo” sebagai kata pertama judulnya. Misalnya, “*Sejarah Melayu*”, “*Sejarah Pelambang*”, “*Hikayat Raja-raja Pasai*”, “*Hikayat Banjar*”, “*Silsilah Kutai*”, “*Salsilah Melayu dan Bugis*”, “*Tambo Bangkahulu*” dan “*Tambo Minangkabau*” (Edward Djamaris, 1989: 1–4).

Dari faktor semantik, didapati bahawa “*tambo*” dan “*trambo*”, membawa maksud yang sama. Walau bagaimanapun, “peribahasa adat”, “kiasan adat”, “terasul”, “tambo”, “kata-kata adat” dan “pepatah-petitih” merujuk kepada genre puisi dalam istilah teknik yang kita gunakan iaitu teromba. Perbilangan adat atau kata-kata adat juga tergolong sebagai teromba.

Menurut Za'ba (1965:177), perbilangan, “seakan-akan bidalan dan pepatah juga, hanya bezanya ia berperenggan dua tiga atau lebih, disebut lepas satu, satu seperti orang membilang dan isi kebanyakannya sudah jadi seperti undang-undang yang tetap.”

Undang-undang tetap yang dimaksudkan oleh Za'ba itu menepati konsep teromba yang mengandungi undang-undang adat. Undang-undang adat dalam konteks ini bermaksud aturan-aturan yang pada mulanya tidak bertulis, disampaikan dalam bentuk puisi secara lisan dari satu generasi ke generasi dalam masyarakat Adat Perpatih.

Pada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, aturan-aturan ini lebih dikenali sebagai perbilangan adat seperti yang dijelaskan teromba berasal daripada bahasa Minangkabau. Teromba itu susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dan dikenali sebagai Adat Minangkabau.

Rumusannya, masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam telah mempunyai peraturan yang mengajar tentang pentingnya nilai kemanusiaan yang berbudi luhur, hormat-menghormati, cinta mencintai, bantu-membantu,

tolong-menolong, dan mengamalkan sistem kerjasama yang erat. Sehubungan itu, masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini telah terbukti mempunyai sistem yang teratur dan terpinpin dalam mencapai kebaikan bersama.

*Adapun masa awal tatkala dabulu
Naik di atas bukit bintang penjaring
Berkecalang pelantak besi
Kemuntung membilang tungku
Penyengat timbal jalan di atas simpang empat
Sezaman alam terbuka
Selembang Tanah Melayu
Sealam Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Sebingkah tanah yang terbalik buat pengempang
Sebatang kayu buat turusan
Sebelai akar buat pengikat
Air segantang selubuk
Selenyap bunyi malam
Besi berdenting segonto hitam
Kok bangau dah jadi hitam
Kok gagak dah jadi putih
Tanahnya datar
Airnya jernih belukar muda
Tanaman menjadi subur
Orang pun ramai
Adat atas tempatnya
Buat atas tempatnya
Buluh bilah ditanam besi berdenting
Puntung berasap
Masa Tok Si Gadib Nenek Bujang
Di situlah puncanya adat
Adat Semenda menyemenda
Jangan bukom tak menghambat
Adat tak menghalang.*

(Mansor Daud, Angga Bisa, Negeri Sembilan,
8 Mei 1997)

Teromba di atas jelas membicarakan tentang permulaan terbitnya adat. Adat itu timbul dan wujud sejak zaman awal lagi, iaitu semenjak sesuatu kawasan itu diterokai. Permulaan adat ini diceritakan dengan menggunakan bahasa yang sungguh puitis. Dijelaskan juga adat ini terutama Adat Perpatih yang berasal dari Minangkabau.

*Mengalir ke Inderagiri
Singgah bermalam
Di Periang Padang Panjang.*

(Abbas Ali, 1953: 2)

*Turun ke Periang Padang Panjang
Tempat sedap berjeramiran
Tempat tunggul berpemaran
Tempat pendam berkuburan
Hendak mendirikan Istana Periang Padang
Panjang.*

(Mohd. Taib Osman, 1975:150)

Teromba di atas juga menceritakan tentang permulaan adat atau memaklumkan asal usul dan kawasan negeri adat diistiadatkan dengan menyebut tentang pemerintahan susun lapis atau tatatingkat kuasa dan kasihnya sekali. Berdasarkan beberapa pandangan tersebut di atas, menunjukkan teromba ialah ungkapan-ungkapan puitis tentang hal dan aturan dalam masyarakat Minangkabau sama ada yang menjadi pegangan Datuk Perpatih (Adat Perpatih) mahupun Datuk Kete-menggungan (Adat Temengung).

Dalam melihat asal usul teromba ini, kita boleh fikirkan dari sudut mitos. Terutama untuk mencari makna di sebaliknya. Mitos yang pertama, mengikut tambo di Minangkabau, terdapat dua orang adik-beradik seibu daripada keluarga bangsawan. Seorang Sutan Paduka Basa (Besar) bergelar Datuk Kete-menggungan (Datuk Temenggung Bendahara Kaya) dan seorang lagi bergelar Datuk Papatih Pinang Sebatang. Datuk

ketemenggungan sebagai laras Kota Piling menyusun adat Temenggung dan Datuk Perpatih Pinang Sebatang sebagai laras Caniago menyusun Adat Perpatih. Datuk Temenggung sebagai anak daripada daulat Yang Dipertuan menjalankan pemerintahan dari atas hingga ke bawah, iaitu pemerintahan beraja autokratik (raja berkuasa penuh). Segala titah tidak boleh dibanding atau dipersoalkan lagi oleh sisi larasnya. Sebaliknya Datuk Perpatih menjalankan pemerintahan dari bawah hingga ke atas, iaitu cara demokrasi.

Kedaulatan di tangan rakyat dan pemerintahan ialah secara muafakat melalui wakil-wakil yang mereka lantik. Dalam perkembangan kemudiannya, Adat Temenggung itu lebih banyak digunakan di daerah-daerah pesisir, sedangkan Adat Perpatih hanya di daerah-daerah pedalaman. Mitos kedua, iaitu pada suatu ketika, bahtera Datuk Perpatih yang bernama "Gelung Panjang"; tidak dapat dilancarkan ke laut kerana dipanah oleh "Jin Sakti Murni" dan untuk melancarkannya, terpaksa digalangkan di bawah bahtera itu perempuan yang mengandung sulung. Peristiwa yang penuh pengorbanan itu dilakukan oleh anak saudara Datuk Perpatih (Harun Mat Piah, 1989:120-122).

Teromba Kepimpinan dalam Sistem Adat Perpatih

Kepimpinan akan melibatkan pengaruh, komunikasi, dan matlamat. Suatu definisi kepimpinan berbunyi seperti yang berikut:

"Kepimpinan ialah suatu percubaan untuk pengaruh-mempengaruhi antara peribadi, yang diarahkan melalui proses komunikasi, menuju pencapaian satu matlamat atau beberapa matlamat."

(Edwin A. Fleishman, 1973:23)

Dalam membicarakan persoalan pembentukan dan perlanjutan tradisi sesebuah masyarakat, pemahaman kepada

beberapa konsep yang berkaitan dengannya amatlah penting untuk dibincangkan. Konsep yang menjadi tumpuan perbincangan ialah konsep tradisi, kawalan sosial, adat, undang-undang, dan beberapa konsep lain yang berkaitan dengannya. Sebenarnya konsep-konsep yang dibincangkan saling melengkapi.

Konsep tradisi amat luas maknanya kerana sesebuah masyarakat itu mempunyai tradisinya. Dalam tradisi yang berlainan inilah wujudnya kawalan sosial seperti adat, undang-undang, pendidikan, dan sebagainya bagi mengawal corak kelakuan anggota masyarakat. Tradisi adalah sebahagian daripada unsur kebudayaan yang dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain melalui proses sosialisasi. Tradisi dicipta bagi menentukan nilai dan moral sesebuah masyarakat.

Tradisi ini juga bertujuan untuk mengekalkan kestabilan dalam masyarakat, namun pada hakikatnya, penciptaan dan pengalaman sesuatu tradisi atau maksudnya yang tersendiri. Ini bergantung kepada tujuan golongan yang mencipta, mahu-pun yang mengamalkannya.

Dalam Adat Perpatih, pemimpin pertama sekali terletak dalam tangan mamak sebagai saudara lelaki yang tertua kepada ibu, kemudian ketua perut, buapak, ketua suku, lembaga, ketua luak, undang, dan akhir sekali ketua negeri, iaitu Yang Dipertuan Besar atau Yam Tuan. Pada peringkat praktisnya, yang dikatakan pemimpin itu lebih menyeluruh termasuklah semua kaum lelaki, kerana kaum lelaki itu ialah "pagar" bagi masyarakatnya.

Susunan dan pembahagian kuasa pemimpin tersebut dinyatakan dalam kata-kata teromba seperti yang berikut:

Raja memerintah alam
Undang memerintah luak
Lembaga memerintah suku
Buapak memerintah anak buahnya.

(Abdullah Siddik, 1975:114)

Jelas di sini cara pemerintahan atau politik dalam

masyarakat adat mempunyai nilai demokrasi. Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, undang-dipilih dan dilantik oleh Lembaga dan Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang daripada keluarga diraja.

Seterusnya, melalui sistem demokrasi ini setiap yang hendak dibuat atau dirundingkan dan dimuafakatkan bersama dengan ketua tiap-tiap suku dan kebulatan kata yang memberi kata akhir, sesuai dengan kata teromba yang berikut:

*Bulat air kerana pembetung
Bulat kata kerana muafakat.*

(Norhalim Ibrahim, 1996:4)

Dengan cara pemerintahan demikian, nyatalah bahawa Adat Perpatih menganut sistem demokrasi, iaitu kedaulatan di tangan rakyat. Pemimpin yang wujud dalam masyarakat Adat Perpatih ialah pemimpin yang berkebolehan, bertanggungjawab, dan sentiasa mengambil tahu tentang keadaan anak buahnya. Pemimpin tersebut sentiasa dihormati, dijadikan tempat berlindung dan tempat untuk membuat rujukan. Jika berlaku seperti ini, kehidupan masyarakat adat akan sentiasa berada dalam keadaan harmonis.

*Rimbun daun tempat berteduh
Rimbun pokok tempat bernaung
Besar banir tempat berlindung
Besar batang tempat bersandar
Lebar daun buat membungkus
Tingginya jadi pedoman.*

(Mansor Shahman, Kampung Dioh,
Negeri Sembilan, 7 Jun 1997)

Anak buah pula apabila pergi meninggalkan kampung, dia akan memberitahu pemimpin, iaitu penghulu tentang pemergiannya. Apabila dia balik, dia juga memberitahu akan kepulangannya. Anak buah pula sebagai balasan akan bertanggungjawab terhadap pemimpinnya, misalnya:

*Kok malu membangkitkan
Haus diberi air
Litak memberi nasi
Hilang mencari
Sakit mengobat
Mati menanam.*

(Nordin Selat, 1976:26)

Seorang pemimpin yang dilantik mesti mempunyai syarat-syarat yang perlu dilepasi, iaitu dia mestilah kaum lelaki, berketurunan Islam, sudah baligh, pelantikannya dipersetujui ramai, mempunyai kedudukan ekonomi yang baik, badan yang sihat, watak yang baik, berakal, pemurah, sabar, benar, amanah, dan tabligh. Contohnya dalam melantik lembaga, hal-hal di atas akan ditapis dengan baik dan teliti. Datuk Tiang Balai akan berkerapatan, menapis, memperhalus setiap calon pemimpin. Seperti kata teromba:

*Ditinting diteras
Digesek sebaris antah
Ditengkub dedah di nyiru
Gubal melayang
Teras menangun.*

(Khalid Bonget, Batu Kikir, Negeri Sembilan,
11 Jun 1997)

Di Negeri Sembilan, teromba mula terkenal dan popular atas usaha Datuk Perpatih. Beliau telah menjemput sekalian rakyat dan bertempat di Kampung Angga Bisa, teromba Adat Perpatih telah disusun dan diatur supaya masyarakat boleh hidup dengan aman dan muafakat. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh bidan, mudim, pawang, alim ulama, lembaga, besar, buapak, dan anak buah pada zaman buluh bilah ditanam, besi berloceng, dan puntung berasap. "Nenek Gadis" gelaran waris pusaka dan "Datuk Bujang" gelaran anak buah dalam erti kata "berjajar naik bertangga turun" Datuk Perpatih telah berkata kepada segala yang hadir:

Adat satu pesaka datar, gaduh di hulu hulukan, gaduh di hilir dihilirkan, gaduh di tengah sama-sama dihimpuni, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, cicir sama rugi, dapat sama laba, semalu sehina, seair sesopan.

(Mansor Daud, Angga Bisa, Negeri Sembilan,
1 Januari 2000)

Maksud “berjanjar naik bertangga turun” itu ialah:

Raja memerintah alam
Penghulu memerintah luak
Lembaga memerintah suku
Besar memerintah waris
Buapak memerintah anak buah
Anak buah memerintah orang semenda
Orang semenda memerintah waris
Pesoko iaitu isterinya.

(Mansor Daud, Angga Bisa,
Negeri Sembilan, 1 Januari 2000)

Pantang adat ialah celaka, derhaka, dahaga dahagi, ertinya hubungan sulit atau membuat rumah dalam rumah, seperti anak perempuan berkasihi-kasihian dengan bapanya ataupun saudara laki-laki dengan saudara perempuannya. Antara semenda-menyemenda juga ada pantang masing-masing.

Pantang tempat menda ialah “beri satu dua ditarik”, “pelesit dua sekampung”, dan “enau sebatang dua sigai”. Misalnya seperti yang berikut:

- *Beri satu dua ditarik*: Kakaknya dikahwini dan adik iparnya dibuntingkan.
- *Pelesit dua sekampung*: Orang semenda berkasihi-kasihian dan cabul dengan isteri tempat menda.
- *Enau sebatang dua sigai*: Orang semenda menggalakkan isterinya menjual maruah untuk keuntungannya.

Pantang orang semenda ada tiga perkara juga, iaitu sudah diberi diambil balik, sudah diuja dipegang ekor, dan pesan ditaruh dipermalami. Misalnya seperti yang berikut:

- *Sudah diberi diambil balik*: Isteri orang semenda dilakukan jahat oleh tempat mendanya.
- *Sudah diuja dipegang ekor*: Orang semenda diberi harta tetapi bila sampai masa dapat keuntungan seperti kerbau sudah besar tempat menda menjualnya dengan tidak diberitahu orang semendanya.
- *Pesan taruh dipermalami*: Disuruh orang semenda pergi menuntut adat kahwin. Sudah sampai ke rumah yang dituju, tempat menda datang menurutnya. Apabila bercakap orang semenda kepada datuk yang sebelah maka tempat mendanya menyampuk mengatakan orang semendanya itu tidak betul bercakap betul.

Datuk Perpatih juga pernah meninggalkan pesan bahawa segala harta tanah pusaka hendaklah diberikan kepada "waris pesoko" kerana dia bersifat lemah dan dia juga telah dapat menebus malu bapa saudaranya masa bahteranya hendak belayar dahulu. Semenjak itu anak-anak perempuan digelar "waris pesoko", "pentawar sedingin" dan "peti bernian". Erti selanjutnya ialah:

- *Waris Pesoko*: Yang menjadi penggalang badan.
- *Pentawar Sedingin*: Lemah lembut dan lemak manis mulut perempuan.
- *Peti Bernian*: Tempat simpanan benih keturunan.

Hingga sekarang, tanah pusaka tidak boleh dijual. Tanah ini diturunkan secara bergilir kepada yang berhak mengikut sebelah ibu. Pada hari itu juga dibolehkan bernikah dengan suku yang lain dan nikah sesuku tidak dibenarkan. Jika sesiapa melakukan, maka dia dipandang sebagai "ke laut tumpah karam, ke darat sial bakar".

Setiap pemimpin dalam sistem Adat Perpatih patut diberi kefahaman tentang teromba untuk memudahkan mereka melaksanakan pentadbiran adat dalam kalangan anak buah masing-masing. Antara teromba yang wajar difahami ialah:

- *Biar mati anak, jangan mati adat*: Maknanya berpegang kuat kepada kuasa adat (menegakkan keadilan), yakni peraturan undang-undang yang mesti dipatuhi oleh semua kelompok masyarakat. Mereka yang melanggar undang-undang hendaklah dijatuhkan hukuman dengan tidak mengira kedudukan, darjat atau pangkat.
- *Adat bersendi hukum, hukum bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah*: Segala perundangan yang berlandaskan peraturan adat mestilah bersandarkan hukum-hukum Islam. (Peraturan ini hanya dikenali sebagai "Piagam Bukit Marapalam" selepas Perang Paderi sekitar tahun 1824 yang membabitkan Malim Basa bergelar Tuanku Imam Bonjol). Sebelum ini teromba yang dipakai ialah adat bersendi alur dan patut, iaitu berkisar kepada "Limbago nan limo". Setelah Perang Paderi apabila Tuanku Imam Bonjol menentang datuk-datuk adat yang dianggapnya melaksanakan peraturan yang tidak berlandaskan agama Islam, maka penyelesaian dibuat menerima "Piagam Bukit Marapalam" dengan meletakkan asas adat itu: *Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah*.
- *Tiba di perut jangan dikempiskan, tiba di mata jangan dilelapkan, tiba di dada jangan dibusungkan*: Dilarang berlaku tidak adil apabila melaksanakan pentadbiran adat, dengan melindungi segala kesalahan yang dilakukan oleh keluarga sendiri. Setiap datuk adat mestilah menegakkan keadilan dan kebenaran.
- *Memabat dalam barisan, berkata dalam pesaka*: Segala perbincangan dan muafakat hendaklah meng-

ikut peraturan. Menjadi tanggungjawab setiap datuk adat memegang prinsip “muafakat” dalam semua urusan kerana “ibu adat itu, muafakat”.

- *Masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang kerbau menguak:* Hendaklah mengikut adat resam mana-mana negeri (atau luak) tempat kita duduki, atau tempat kita mencari rezeki. Maknanya mestilah tahu menyesuaikan diri dengan keadaan adat resam di tempat seseorang itu menumpang dan berdagang.
- *Lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya:* Setiap negeri atau luak tentulah mempunyai peraturan serta adat resam yang berbeza. Oleh itu seseorang yang datang ke tempat orang tidak manis mempersoalkan adat dan kebudayaan yang diamalkan di situ. Kalau tidak bersetuju hendaklah bersikap: “Ada mata pandang, ada telinga dengar”.
- *Hilang adat tegal dek muafakat:* Sekiranya mendapat persetujuan dalam sebarang muafakat, maka bolehlah keputusan atau aturan adat itu diubah (dipinda). Sebab itu disebut dalam terombanya: “Ibu adat, muafakat”.
- *Berjenjang naik bertangga turun:* Peraturan dalam adat mengikut saluran yang ditetapkan. Misalnya urusan istana hendaklah disalurkan kepada penghulu/ Undang sebelum dibawa kepada Datuk Lembaga. Dari Lembaga pula kepada buapak dan seterusnya kepada anak buah (rakyat jelata). Demikian juga sebaliknya urusan daripada anak buah tidak boleh terus ke istana. Malah terus kepada Datuk Lembaga juga tidak boleh sekiranya tidak disampaikan terlebih dahulu kepada buapak.
- *Bulat air tegal dek gopong/pembentuk bulat manusia tegal dek muafakat:* Lambang perpaduan dalam kalangan masyarakat itu ialah adanya muafakat. Di

mana-mana sahaja masyarakat yang berpegang kepada muafakat mereka tetap memelihara kesejahteraan hidup yang berterusan.

- *Jika sesat di bujung jalan, baliklah ke pangkal jalan:* Kesedaran seseorang terhadap kesalahan yang dilakukan lebih baik diperbetulkan semula, daripada membiarkan melakukan kesilapan yang berterusan. Dalam masyarakat beradat tidak ada kusut yang tidak boleh diusai (diselesaikan), tidak ada keruh yang tidak boleh dijernihkan, asal sahaja setiap orang ikhlas mahu menyelesaikan sebarang perbalahan.
- *Ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut nafsu lesu:* Sesiapa sahaja yang bertindak mengikut perasaan dan bukan berdasarkan akal, sudah tentu menghadapi kehancuran. Oleh itu ketua-ketua adat dikehendaki menggunakan akal dan fikiran dalam melaksanakan peraturan adat, bukan didorong oleh keputusan perasaan semata-mata.
- *Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah:* Ungkapan ini bukan sahaja terdapat dalam aturan adat, malah juga dikenali dalam masyarakat Melayu. Ungkapan ini juga terdapat dalam manuskrip Melayu lama, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* yang dituturkan oleh watak Hang Jebat. Ungkapan ini juga memperjelaskan bahawa seorang pemerintah sama ada raja, penghulu atau Datuk Lembaga mestilah berlaku adil sekiranya mahu dihormati oleh anak buah. Sekiranya mereka berlaku zalim janganlah kesalkan apabila anak-anak buah enggan menghormati mereka.
- *Orang disuruh diberi belanja, ayam ditambat diberi makan, orang diambil diberi barta:* Pemerintah yang adil sentiasa menjaga kepentingan semua pihak dengan agihan hasil mahsul (ekonomi) yang dinikmati oleh setiap orang. Oleh itu setiap orang yang berusaha tentulah mendapat ganjaran yang setimpal dengan apa-

apa yang diusahakan. Demikianlah dalam masyarakat adat, setiap ketua adat mestilah tahu mengagihkan hasil mahsul dalam kalangan anak buahnya mengikut ganjaran yang sewajarnya. Apalagi mereka memberikan khidmatnya dalam melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan kepadanya.

- *Nyawa darah waris yang punya, rugi laba isteri yang punya*: Batang tubuh seseorang di alam masyarakat adat ialah kepunyaan waris ibunya, tetapi kekayaan dan kerugian yang didapati olehnya (si suami) ialah kepunyaan isteri dan anak-anaknya.
- *Dianjak layu dicabut mati*: Menjadi tanggungjawab setiap orang memulihara kemurnian adat supaya tidak tercemar oleh gejala-gejala buruk, sekalipun terpaksa menghadapi cabaran getir. Maknanya bukan sahaja adat itu tidak boleh diubah selagi belum ditemui muafakatnya, tetapi mesti dipertahankan sampai ke akar umbinya sekalipun hingga sampai kepada keadaan “dianjak layu dicabut mati”.

Teromba biasanya akan didahulukan dengan ungkapan, “Tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan, gemuk berpupuk segar bersiram, dianjak layu dicabut mati”. Memang ungkapan teromba ini dipelopori oleh nenek moyang dari Minangkabau dahulukala membawa makna yang amat mendalam, namun perlaksanaannya terpulanglah kepada kebijaksanaan masyarakat yang mengamalkan adat itu sendiri.

Banyak lagi teromba yang menjadi ungkapan penting dalam masyarakat Adat Perpatih. Sebahagian 15 contoh di atas ialah sebaris garis panduan sahaja. Oleh itu pemimpin adat yang menyandang pesaka dikehendaki memahami dan mencari lebih banyak teromba yang menjadi amalan daripada nenek moyang turun-temurun.

Seorang pemimpin adat harus sedar bahawa beliau:

Tumbuh kerana ditanam

Tinggi kerana disanjung

*Besar kerana dipupuk
Mulia kerana dibormati
Bukan mencucuri dari langit
Tidak membusut dari bumi.*

(Abdul Malek Wahab, Seremban, Negeri Sembilan,
3 Disember 1999)

Dalam masyarakat Adat Perpatih ada struktur organisasi kepimpinannya yang tersendiri. Ia bermula dari peringkat "perut" hinggalah "negeri" secara keseluruhannya. Teromba ada menyebut:

*Alam beraja
Luak berpenghulu
Suku berlembaga
Anak buah berbuapak.*

(Ahmad Yahya, Seremban, Negeri Sembilan,
10 Disember 1999)

Pelantikan dan gelaran yang diberikan terhadap peringkat kepimpinan merupakan warisan pusaka yang bersifat *non material* yang disandang oleh lelaki. Walau bagaimanapun, pewarisan gelaran dan jawatan berdasarkan nisab ibu. Ini bermakna walaupun wanita tidak memegang jawatan ini, namun mereka mempunyai hak untuk memilik orang-orang yang bakal menyandang jawatan adat, apabila sampai giliran ahli perut ataupun suku mereka untuk memegang sesuatu jawatan (Azizah Kassim, 1974:6).

Dalam organisasi perut, ketua yang mengawasi perjalanan Adat Perpatih dan menjadi tempat rujuk apabila berlaku masalah ahli-ahli dalam perut digelar buapak. Seseorang buapak dipilih secara sebulat suara oleh ahli-ahli perut yang dewasa. Jika banyak bilangan perutnya, maka banyaklah jawatan buapak dengan masing-masing mempunyai gelaran yang tertentu. Pemilihan buapak ini mestilah disahkan oleh lembaga seterusnya dipersembahkan kepada undang. Jawatan

buapak disahkan oleh lembaga seterusnya dipersembahkan kepada undang. Jawatan buapak adalah disahkan oleh lembaga, seterusnya dipersembahkan kepada undang. Seseorang buapak itu boleh dipecat oleh ahli-ahli perut jika dia menyeleweng dari aturan adat dan pusaka. Pemecatan ini mestilah mendapat pengesahan daripada lembaga.

Secara teorinya, seseorang buapak itu bertindak sebagai ibu bapa kepada anak buahnya. Seajar dengan keakraban ini, pada zaman dahulu, segala hal ehwal anak buah sentiasa diambil berat oleh buapak. Misalnya peranan buapak terserlah dalam upacara perkahwinan, hal pewarisan harta, masalah keluarga, berkadim, dan sebagainya. Ringkasnya, seseorang buapak itu bertanggungjawab terhadap keselamatan ahli-ahli perutnya, sekiranya masalah-masalah yang dihadapi gagal diselesaikan, buapak akan merujukkannya kepada lembaga yang mengawasi.

Lembaga ialah ketua dalam gabungan kumpulan-kumpulan perut yang mengakui berasal dari nenek moyang yang sama. Lembaga dipilih dan dilantik secara sebulat suara oleh anak-anak buah menerusi buapak-buapak mereka dan bergilir-gilir mengikut perut yang berhak dalam setiap suku (Nordin Selat, 1976:74).

Walau bagaimanapun, penggunaan konsep kebulatan ini berbeza-beza. Pada sesetengah luak, suara terbanyak dianggap sudah mencukupi. Jawatan ini kemudiannya mesti disahkan oleh hierarki pemimpin yang lebih tinggi, iaitu undang atau penghulu.

Dari segi adat, lembaga bertanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keamanan ahli-ahli sukunya. Mengikut Norhalim (1993:117), lembaga berkuasa membicarakan soal pergaduhan yang melibatkan kecederaan anggota fizikal, mendenda, mengukur dan memancang sempadan tanah dan berkuasa memberikan tanah yang terbiar kepada anggota rumpun lain dalam suku yang sama, tetapi atas syarat yang tertentu.

Lembaga mempunyai fungsi yang lebih kurang sama dengan buapak. Cuma bidang kuasanya lebih luas, iaitu

meliputi keseluruhan ahli dalam suku. Dalam hal ini, lembaga menjadi simbol kekuatan aturan adat dan sistem hak milik. Tanah pusaka suku ialah tunjang aturan itu.

Akhir sekali, hierarki yang tertinggi dalam organisasi kepimpinan adat ialah jawatan undang dan penghulu (jawatan Yamtuan tidak diterangkan sebab mengamalkan nasab bapa, iaitu tidak bersuku). Jawatan ini hanya dikhaskan kepada suku biduanda. Bagi jawatan undang, ia diperuntukkan kepada ketua-ketua luak seperti Sungai Ujung, Jelebu, Johol, dan Rembau, manakala jawatan penghulu diperuntukkan kepada ketua-ketua Luak Tanah Mengandung.

Pada prinsipnya, kuasa undang amatlah luas dan mempunyai kewibawaannya yang tersendiri, khususnya dalam aspek pengadilan dan tindakan politik. Dari segi kehakiman misalnya, beliau mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman bunuh. Walau bagaimanapun, sebelum membuat sesuatu keputusan, undang sentiasa mendapat nasihat dari lembaganya. Undang juga mempunyai kuasa budi bicaranya terhadap sesuatu hukuman seperti kata teromba:

*Boleh menghitam dan memutibkan
Boleh memanjang dan memendekkan
Boleh mengesah dan membatalkan
Keris penyalang kepada undang.*

(Norhalim, 1988:155)

Dari segi pentadbiran pula, beliau mengetuai hal ehwal perjalanan adat dan sebagai lambang ketua adat di luaknya. Sementara penghulu pula tidak terlibat secara langsung dalam soal pentadbiran. Hal ini demikian kerana sebelum penghulu di Luak Tanah Mengandung berada di bawah Yamtuan, kedudukannya berada di bawah kuasa undang.

Kekuatan Kepimpinan Adat Perpatih Dahulu

Keselamatan Adat Perpatih dahulu berjalan dan berfungsi dengan baik terutama dari segi sosial, ekonomi mahupun

politik atas dua kod etika yang dasar dan fundamental. Konsep-konsep tersebut ialah konsep muafakat dan konsep menyera, bekerjasama, dan gotong-royong. Dalam kehidupan masyarakat dahulu, kedua-dua konsep ini sangat berkait dan berhubung rapat.

Adat ini mengaturkan bahawa pengamalannya dalam membuat sebarang keputusan atau sebarang perkara, haruslah diambil melalui kerapatan. Dalam kerapatan ahli-ahli masyarakat akan membincangkan masalah, gaya, dan cara menyelesaikan masalah dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Tindakan menyelesaikan masalah dalam kerapatan itu diistilahkan sebagai muafakat.

Muafakat dalam adat ini sentiasa mendahului sebarang aktiviti masyarakat adat kerana ia merupakan keunggulan sosial yang kudus. Kepentingan tindakan kepimpinan Adat Perpatih dahulu telah jelas diterangkan oleh banyak teromba yang antaranya menyebut:

*Bulat air dek pemetung
Bulat manusia dek muafakat
Pengbulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada yang benar
Ibu bukum muafakat
Ibu adat muafakat.*

(Mansor Shahman, Kampung Dioh,
Negeri Sembilan, 3 Februari 2000)

Istilah muafakat dan bulat dalam teromba di atas bermaksud keputusan yang dicapai bukan melalui undi paling ramai, tetapi bulat suara yang agak sama dengan konsep syura dalam Islam.

Perbuatan berkumpul di suatu tempat untuk membincangkan sesuatu perkara, masalah ataupun aktiviti sosial, ekonomi dan politik, dikatakan sebagai berkampung. Istilah ini ada persamaan dengan kata kerapatan dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan dan kerapatan ini sering membawa maksud pertemuan atau perhimpunan pemimpin-pemimpin politik adat. Konsep berkampung membawa erti

pertemuan yang melibatkan orang sekampung yang bermaksud perjumpaan antara ahli-ahli serumpun, seruang, seperut atau sesuku. Dalam berkampung inilah terbitnya teromba:

*Nan jauh dijemput
Nan dekat dikampungkan
Hilang dicari
Cicir dipungut.*

(Yaakob Adil, Sungai Dua Kecil, Negeri Sembilan,
15 Februari 2000)

Teromba di atas dengan jelas menghendaki setiap ahli mesti hadir dalam sebarang acara berkampung dan kerapatan. Ketidakhadiran seorang ahli sahaja sudah cukup untuk membatalkan tujuan utama perjumpaan itu. Sebelum diadakan perjumpaan kali kedua untuk meneruskan perbincangan tentang tujuan berkampung yang tergendala, adat memastikan bahawa yang tidak hadir itu harus bersama. Untuk tujuan ini, adat memerlukan agar sebab-musabab ketidakhadiran ahli itu diselesaikan terlebih dahulu seperti kata teromba:

*Yang kusut diselesaikan
Yang keruh dijernihkan
Ibarat menarik rambut dalam tepung
Rambut tidak putus
Tepung tidak berselerak.*

(Mohamad bin Dahani, Kepis Malan,
Negeri Sembilan, 16 Februari 2000)

Selepas kusut diselesaikan dan yang keruh dijernihkan dalam kalangan semua ahli barulah diadakan perkampungan atau kerapatan yang kedua.

Seiring dengan konsep berkampung ini ialah konsep muafakat, menyeraya, bekerjasama, dan bergotong-royong. Dalam masyarakat adat, segala tindakan, baik sosial, ekonomi, budaya, dan juga politik harus dilakukan dengan konsep bekerjasama. Adat berpendapat setiap ahli, walau apa pun

kekurangannya atau kelebihan status dan kedudukannya, harus memberi guna kepada ahli yang lain, lantaran keseluruhan kelompok, ruang, rumpun, perut dan suku. Ini jelas dibayangkan dalam teromba:

*Jika cerdik teman berunding
Jika bodoh disurub arah
Tinggi banir tempat berlindung
Rimbun daun tempat bernaung
Yang buta penghembus lesung
Yang patah menunggu jemuran
Yang pekak mencucub meriam
Yang bernai kepala lawan
Kalau besar jangan melanda
Kalau cerdik jangan menipu
Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Bukit sama didaki
Lurah sama dituruni
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicecah
Sedikit sama sedikit
Banyak sama banyak.*

(Mohamad bin Dahan, Kepis Malam,
Negeri Sembilan, 16 Februari 2000)

Konsep-konsep seperti yang tertera dalam teromba di atas mewujudkan rasa kekitaan atau *esprit de corps* dalam kalangan ahli kelompok yang seterusnya menjadikan kelompok itu kuat dan kukuh. Apabila kuat dan kukuh, maka barulah kesatuan kelompok kekeluargaan dalam sistem masyarakat ini dapat menghindar dan terhindar daripada rasa malu yang mengikut adat dikatakan sebagai:

*Malu tak dapat diagih
Suku tak dapat dianjak.*

(Mazlan Abu, Kampung Dioh, Negeri Sembilan,
17 Februari 2000)

Pemimpin Adat Hari Ini

Penguatkuasaan pemerintahan kolonial Inggeris ke atas Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1874 di Sungai Ujung dan berakhir di Rembau pada tahun 1898, telah merubah secara kritikal organisasi dan struktur politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih ini. Inggeris telah menghakis dan menolak keberfungsian sistem politik Adat Perpatih yang berbentuk perwakilan berdasarkan kelompok-kelompok kekeluargaan. Kuasa dan kewibawaan pemimpin adat telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran baru. Pentadbiran baru dilanjutkan lagi, malahan bertambah canggih dan kompleks apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan kemudian diikuti dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pemimpin adat dan pentadbiran sistem adat tetap pada tahap lama, tidak ada perubahan, malahan dapat dikatakan semakin mengherot ke belakang. Pada teorinya, dalam sistem pentadbiran di wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan, wujud suatu keadaan dualistik iaitu sistem pentadbiran birokrasi baru dan sistem pentadbiran adat. Pada praktisnya, hanya sistem birokrasi baru yang berfungsi.

Daripada huraian ringkas di atas, nyatalah bahawa mulai dari tahun-tahun akhir 1940-an di wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan, terdapat tiga jenis pemimpin utama iaitu adat (institusi tertua), birokrasi (sejak awal abad ke-20), dan politik (institusi terbaharu). Antara ketiga-tiga jenis pemimpin ini, status dan tanggungjawab pemimpin birokrasi dan politik semakin berkembang, kukuh dan canggih, tetapi sebaliknya yang terjadi ke atas pemimpin adat semakin ke belakang, semakin mencorot dan tidak berkuku langsung. Hari ini, pemimpin adat, berbanding dengan pemimpin yang dua lagi itu, hampir tidak berfungsi lagi. Keadaan mereka dari segi peranan dan status serta tanggungjawab dalam pentadbiran negeri umpama rumput di tepi jalan, hidup segan, mati tak mahu. Kebanyakannya indah dari segi gelaran sahaja dan tugas mereka begitu menonjol ketika majlis perkahwinan sahaja dan majlis lain yang dibuat secara bermusim, walhal peranan

kepimpinan adat itu menyeluruh.

Adat Perpatih memperuntukkan peraturan lewat teromba, *berjanjang naik, bertangga turun* dan seterusnya, yang bererti ketua dipilih dari bawah oleh anak buah secara persetujuan ramai atau sistem demokrasi.

Yang berlaku sebenarnya telah mewujudkan masalah yang berlanjutan, iaitu pemilihan yang tidak berjalan mengikut sepatutnya. Dalam hal ini, memang ada jawatan pemimpin adat yang kosong belum diisi secara pemilihan kerana berbagai-bagai masalah. Keadaan berlarutan bertahun-tahun hingga menarik minat orang luar dan media masa mengikut krisisnyanya. Keadaan ini sepatutnya tidak wujud kalau ahli-ahli masyarakat adat boleh menyelesaikan secara musyawarah dan merujuk kepada teromba adat dan sebagainya. Anehnya dalam keadaan begini ada pula beberapa pihak berminat mencampuri dan bilangan orang yang dikatakan layak mewarisi jawatan itu juga agak ramai. Pada hemat penulis, kemelut ini tidak harus dilanjutkan sehingga menimbulkan krisis keyakinan masyarakat terhadap sistem ini.

Soal campur tangan dalam upacara-upacara pemilihan dan pelantikan ketua-ketua adat begini memang kerap berlaku hingga menimbulkan semacam suasana bermusuhan-musuhan antara pihak yang berebut jawatan itu. Jika diteliti punca krisis ini adalah kerana tiada sumber rujukan bertulis, lebih-lebih lagi apabila jawatan itu membawa status dan ganjaran yang tinggi, maka pelbagai cerita dan akan wujud.

Satu sebab lagi mungkin juga benar, iaitu apabila bilangan orang yang mendakwa berhak pada sesuatu jawatan itu ramai. Hal ini demikian kerana masyarakat berkembang, bilangan anggotanya semakin bertambah. Formula-formula penyelesaiannya sepatutnya ada. Dalam teromba adat ada mengatakan, "tiada keruh yang tidak jernih" dan "sesat di hujung jalan kembali ke pangkal jalan". Persoalannya mengapa aturan ini tidak dipatuhi? Kenapa hawa nafsu negatif yang dipatuhi?

Satu masalah lagi ialah kedudukan dan peranan atau fungsi ketua-ketua adat. Dengan bahasa yang mudah, apakah yang dibuat oleh orang-orang yang bergelar ketua adat ini? Adakah

mereka ini megah pada nama sahaja? Sebahagian besar peranan mereka seperti urusan tanah pusaka kini telah diambil alih oleh birokrasi pentadbiran kerajaan. Sesuatu harus difikir dan dilakukan supaya orang-orang yang dikatakan berkedudukan dalam masyarakat atau paling tidaknya di kalangan anak-anak buah sewaris supaya mereka dapat berfungsi dan *being respected*.

Setiap pengamal Adat Perpatih seharusnya mengetahui segala selok-belok tentang adat ini, sekurang-kurangnya mereka harus mengetahui asas sistem tersebut. Namun begitu, terdapat juga segolongan daripada anggota pemegang adat ini yang jahil tentang adat yang mereka amalkan. Umpamanya golongan yang suka merantau pada waktu mudanya dan setelah bersara kembali ke kampung halaman, begitu juga dengan generasi yang lahir daripada pasangan adat dengan orang luar. Tentu sahaja mereka ini tidak begitu mendalami adat tersebut.

Kesannya, kejahilan terhadap adat ini boleh menimbulkan sikap tidak berminat dan sikap negatif terhadap adat. Impak yang paling nyata daripada kejahilan tersebut ialah mereka tidak mempunyai perasaan sayang dan sudah tidak ambil berat tentang adat tersebut. Justeru, ramai antara pengamal-pengamal Adat Perpatih tidak mengetahui dengan mendalam teromba yang ada, terutama yang membawa maksud yang tersirat. Contohnya "biar mati anak, jangan mati adat". Teromba ini mestilah difahami dengan maksud yang tersirat.

Selain faktor di atas, kejahilan juga berpunca daripada tidak adanya perkara-perkara yang berkaitan tentang adat diajar secara terbuka dan formal kepada generasi muda. Ini mungkin menyebabkan golongan tua beranggapan bahawa seseorang yang dilahirkan dan dibesarkan pula dalam masyarakat adat secara automatik mengetahui sistem adat yang diamalkan oleh ibu bapa mereka.

Kurangnya bahan-bahan bercetak di pasaran untuk dijadikan rujukan juga menjadi faktor timbulnya kejahilan tentang adat. Walaupun terdapat dokumen yang berbentuk monograf dan esei-esei dimuatkan dalam jurnal-jurnal seperti

Jurnal *Budaya Negeri*, namun sukar diperoleh masyarakat terbanyak pengamal adat kerana bahan tersebut hanya boleh dirujuk di Muzium, Arkib, dan perpustakaan sahaja. Oleh itu, hanya golongan tertentu sahaja yang dapat membaca dan menyelidik dokumen-dokumen tersebut.

Di samping itu, terdapat juga tanggapan yang mengatakan bahawa teromba adat tersebut sudah lapuk dan ketinggalan zaman, iaitu tidak sesuai lagi diamalkan dalam zaman serba canggih ini. Maka, dalam keadaan beginilah Adat Perpatih itu kelihatan seolah-olah berada dalam dunianya yang tersendiri, tertutup dan tidak diketahui oleh umum. Justeru, langkah yang positif harus diambil supaya adat ini tidak hilang dimamah zaman hingga menyebabkan proses penerusan adat akan di-kesampingkan.

Permasalahan seterusnya yang terdapat dalam masyarakat adat ialah masalah pelanggaran adat. Masalah ini berpunca daripada kegagalan masyarakat Adat Perpatih dalam melaksanakan amalan atau aturan yang terdapat dalam Adat Perpatih yang murni. Antara contoh pelanggaran adat ialah sikap berat sebelah khususnya kepada pihak perempuan, mencampuri urusan rumah tangga orang semenda, soal kedudukan dan tanggungjawab orang semenda, tanggapan tentang kedudukan orang semenda yang dianggap orang menumpang, dan sebagainya.

Dalam masalah berat sebelah, biasanya berat kepada perempuan atau sebelah isteri. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sistem keturunan itu sendiri, iaitu sebelah nasab ibu dan selalunya pasangan yang sudah berkahwin itu akan tinggal di rumah isteri atau tinggal di tempat semenda. Dalam hal menziarahi pula, ibu bapa isteri lebih suka untuk menziarahi ke rumah anak perempuan mereka berbanding dengan anak lelaki. Kejadian terlalu kerap menziarahi rumah anak perempuan itu, kadang-kadang menimbulkan masalah apabila terdapatnya campur tangan keluarga pihak isteri terhadap rumah tangga pasangan tersebut. Apabila keadaan ini timbul ia boleh menyebabkan pergolakan dan keruntuhan rumah tangga pasangan tersebut.

Soal berat sebelah ini juga berlaku dalam memberi keutamaan untuk mematuhi keperluan di rumah isteri yang sekali gus dianggap sebagai rumahnya juga. Keutamaan ini dapat dilihat seperti memberikan barang-barang yang terpakai yang tidak diperlukan lagi kepada keluarga isteri dan sekiranya si suami mempunyai pendapatan lebih, mereka akan turut memberikan hadiah kepada keluarga pihak isteri.

Bagi suami yang menetap di rumah tempat semenda pula, biasanya tidak mempunyai kebebasan untuk bersuara. Hal ini demikian kerana kedudukan suami tersebut dianggap sebagai menumpang sahaja. Walaupun campur tangan pihak keluarga isteri bertujuan untuk memastikan kebahagiaan pasangan tersebut, tetapi yang penting ialah campur tangan tersebut janganlah keterlaluan sehingga boleh menyebabkan keruntuhan rumah tangga pasangan tersebut. Meskipun adat ini lebih mengutamakan kaum perempuan, tetapi ia juga tidak seharusnya sampai mengetepikan hak suami untuk merancang kehidupan keluarganya.

Walaupun Adat Perpatih semakin terpinggir, tetapi ia perlu dikaji semula. Pengamal adat harus menghargai setiap warisan yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka kerana warisan inilah yang memberikan mereka identiti, iaitu menjadi lambang kebanggaan kepada masyarakat adat. Malah, masyarakat adat kini, perlu menimba segala ilmu, idea dan teladan daripada warisan tersebut bagi membina dan menegakkan kemajuan kerana Adat Perpatih itu dari segi falsafah dan ideanya, tinggi martabatnya dan terbukti pula kegunaan dan kemampuannya.

Sayangnya warisan yang amat berharga ini tidak dijaga, dipupuk dan disemai, malah dibiarkan luput dan reput ditelan zaman. Ironinya, adat itu dari segi falsafah dan ideologi bukanlah sesuatu yang statik dan tidak mahu berubah. Adat ini mahukan perubahan dan penyesuaian dengan zaman yang dilalui oleh pengamalannya. Adat ini mesti diteruskan dan dipakai kerana ia peraturan hidup:

*Adat dipakai baru
Kain dipakai usang*

*Adat menimbulkan yang baik
Menghilangkan yang buruk
Menyuruh membuat baik
Menegah membuat jabat.*

(Nasir Ahmad, Sawah Lebar, Negeri Sembilan,
20 Februari 2000)

Oleh yang demikian, agar ia sesuai dengan zaman dan kehendak pemakainya, harus difikirkan teromba berikut:

*Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang
Kalau singkat minta disambung
Kalau panjang minta dikerat
Kalau koyak minta ditampal
Kalau bocor minta dibetulkan
Jatuh dari langit sama-sama kita tampung
Memusat dari bumi sama-sama kita pijakkan.*

(Samah Lenja, Seri Pilah, Negeri Sembilan,
20 Februari 2000)

Kalau tidak dapat dilaksanakan harus difikirkan jalan yang paling sesuai untuk dihidupkan Adat Perpatih ini semula. Soalnya setiap pemimpin adat harus ada komitmen yang tinggi untuk mendaulkan semula Adat Perpatih. Usaha yang bersepadu dan menyeluruh harus dilaksanakan segera.

Teromba Perlanjutan Tradisi Adat Perpatih

Dalam membicarakan persoalan teromba perlanjutan tradisi Adat Perpatih, pemahaman beberapa konsep yang berkaitan dengannya amatlah penting untuk dibincangkan. Bagi menyorot teromba perlanjutan tradisi Adat Perpatih ini, ia berfungsi sebagai kawalan sosial, tanah adat, berkadim,

perkahwinan, perceraian, adat pelantikan pemimpin, dan istiadat kematian. Sebenarnya semua konsep ini saling melengkapi.

Teromba ialah puisi Melayu Tradisional yang akan digunakan untuk melihat sama ada tradisi Adat Perpatih itu masih berfungsi atau sebaliknya. Perlanjutan tradisi dalam sistem Adat Perpatih merujuk kepada perpindahan kepercayaan atau kebiasaan yang diturunkan secara lisan daripada satu generasi kepada generasi lain. Kepercayaan atau kebiasaan ini sinonim dengan adat yang diamalkan. Adat atau peraturan yang lazim dipakai sejak dahulu kala merupakan sistem yang sudah menjadi kebiasaan yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat sebagai pegangan atau panduan masyarakat itu. Oleh itu, perlanjutan tradisi dalam sistem Adat Perpatih perlu bagi maksud untuk menyemai nilai-nilai dan norma-norma yang membayangkan kesinambungan Adat Perpatih daripada generasi dahulu kepada generasi masa kini.

Kita telah melihat konsep tradisi dan kepentingannya dalam sesuatu masyarakat serta faktor-faktor akulturasi dan modenisasi yang mengakibatkan perubahan tradisi di samping keadaan geografi, komposisi penduduk atau ideologi yang berasal dari luar sama ada melalui difusi atau hasil penciptaan daripada masyarakat itu sendiri. Oleh itu, sesuatu masyarakat mempunyai hubungan rapat dengan tradisi yang diamalkan. Maju dan mundurnya tradisi itu banyak bergantung kepada cara pengkaji melihat dan mentafsirkannya. Namun begitu, dualisme pengkategorian masyarakat jelas kelihatan.

Kewujudan sesuatu tradisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain bergantung pula kepada keunggulan dan ketahanan sesuatu tradisi itu. Sesuatu tradisi yang baik dan murni harus diwarisi dan diamalkan, manakala tradisi yang kurang memenuhi kehendak zaman perlu ditinggalkan. Oleh yang demikian, sesuatu tradisi yang masih diamalkan ialah tradisi yang tahan ketahanannya. Bak kata teromba adat yang berbunyi, "yang baik dijadikan teladan yang buruk dijadikan sempadan", "yang baik dipakai yang buruk dibuang". Tradisi yang baik dan unggul patut diamalkan dan disemai

dalam sanubari generasi baru sebagai kawalan sosial terutama pada alaf baru yang penuh cabaran ini.

*Adat tak lapuk dek bujan
Adat tak lekang dek panas
Adat tak kuning dek kunyit
Adat tak lemak dek santan
Adat tak baus dek masa
Kok dibasuh berhabis air
Kok dikikis berhabis besi
Adat putih bak kapas
Adat lembut bak air.*

(Mazlan Abu, Kampung Dioh, Negeri Sembilan,
1 Mac 2000)

Perlanjutan tradisi Adat Perpatih menghadapi kekangan akibat daripada penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Inggeris telah campur tangan dalam urusan adat ini, mengakibatkan adat ini mengalami perubahan dan tidak semurni asalnya lagi. Malahan, proses modenisasi, urbanisasi, dan perubahan sosiopolitik dan ekonomi yang begitu pesat dan terus-menerus turut menjejaskan dan menggugat sistem Adat Perpatih tersebut.

Oleh itu, ketika ini sistem tersebut sudah tidak semurni yang asal dan juga sudah bercampur aduk dengan unsur-unsur baru dan moden. Malahan, dalam beberapa hal, ia sudah tidak berapa diambil berat dan dihiraukan sangat oleh masyarakat adat, kecuali dalam satu dua perkara yang tertentu sahaja.

Saranan

- Setiap pemimpin adat harus ada komitmen yang tinggi untuk memartabatkan semula Adat Perpatih. Harus dikumpulkan mereka yang pakar dalam teromba bagi tujuan membukukan peraturan dalam memilih ketua-ketua adat mengikut luak tertentu. Peraturan tersebut

hendaklah diterima sebagai dokumen sah oleh Dewan Keadilan dan Undang dan Luak-luak yang berkaitan dan seterusnya digunakan sebagai panduan dalam melantik ketua adat.

- Ketua-ketua adat hendaklah memperbanyakkan majlis kerapatan bagi tujuan mengembang dan menerangkan mengenai perjalanan dan aturan adat di luak masing-masing. Kerapatan adat tidaklah semestinya terhad diadakan apabila ada kematian atau mencari undang sahaja.
- Memberikan jawatan adat kepada yang betul-betul sihat sahaja, zahir dan batin untuk kelicinan perjalanan Adat Perpatih.
- Menjadikan jawatan penyandang pusaka yang sesuai seperti Datuk Lembaga dan sebagainya sebagai jawatan bakal pengganti jawatan undang. Amalan ini telah pun dijalankan di Luak Johol.
- Mempererat hubungan antara ketua adat di luak yang berlainan bagi kelicinan perjalanan Adat Perpatih.
- Peranan dan tanggungjawab Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan sebagai penasihat dalam perkara-perkara berkaitan adat perlulah dikaji semula dan diperkemas.
- Keputusan muktamad dan kebulatan waris dan Datuk Lembaga khususnya Datuk Lembaga Tiang Balai dalam menentukan siapakah yang layak menyandang pusaka undang mengikut adat luak masing-masing seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Negeri, hendaklah diberi kepercayaan dan pengiktirafan sepenuhnya oleh pihak yang berkuasa berdasarkan sifatnya sebagai keadilan yang berkecuali dan jujur. Justeru, pihak berkuasa hendaklah menerima sahaja kebulatan yang dipersembahkan oleh Datuk Lembaga. Jika terbukti sabit kesalahannya, maka ketika itu barulah pihak

berkuasa campur tangan secara langsung. Dengan itu, perbuatan Datuk Lembaga dengan kuasa sah batal pada Lembaga tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

- Menubuhkan Persatuan Anak-anak Perpatih terutama yang duduk di perantauan.
- Menimbang untuk menubuhkan Mahkamah Adat atau Mahkamah Anak Negeri bagi membincangkan konflik adat secara yang lebih liberal dan terbuka.
- Pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran adat khususnya di Dewan Keadilan dan Undang hendaklah terdiri dari kalangan Waris-waris Berpusaka yang mengetahui perjalanan dan aturan adat pusaka.
- Pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang berasal dari Negeri Sembilan dan mempunyai susur galur keturunan waris berpusaka hendaklah digalakkan dan diberi tempat untuk bertugas di Negeri Sembilan. Adalah meyakinkan bahawa golongan yang dianggap mempunyai kemampuan serta berpotensi untuk memimpin boleh memainkan peranan dari segi menyuburkan kembali kefahaman tentang perjalanan Adat Perpatih.
- Merancang aktiviti yang ada kaitan dengan perjalanan dan aturan adat istiadat bagi tujuan memperkaya dan mengembangkannya dalam kalangan generasi muda. Melalui majlis tersebut, dengan kehadiran Datuk Lembaga dan buapak yang datang dari pelbagai luak tentunya mempunyai pengalaman luas dalam adat pusaka akan memudahkan penyebaran pengetahuan tersebut.
- Institusi pengajian tinggi boleh memberi sumbangan dan memperbanyakkan kajian dan penyelidikan yang berhubung dengan Adat Perpatih. Ini penting kerana

kebanyakan fakta sejarah yang ada kaitannya dengan kedudukan Adat Perpatih Negeri Sembilan yang ditulis oleh sarjana Barat mengelirukan dan boleh menimbulkan salah faham.

Kesimpulan

Dilema kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih semakin parah menjelang alaf baru disebabkan pemakai adat atau masyarakat adat, termasuk pimpinan sudah tidak arif dan cuba menjauhi adat. Rata-rata golongan muda sudah tidak dapat menerangkan adat dan malangnya mereka tidak dapat menguasai teromba adat tersebut yang menjadi tunjang atau salur nadi sistem Adat Perpatih.

Akibatnya, mereka mencari-cari cara untuk mentadbir secara baik. Walhal, dalam setiap teromba kepimpinan dan perlanjutan tradisi Adat Perpatih penuh dengan saranan yang mementingkan nilai-nilai positif seperti muafakat. Sepatutnya pemimpin adat yang dilantik mestilah berkebolehan dalam semua aspek, sesuai dengan kehendak dan cita rasa dunia hari ini. Mereka seharusnya kreatif dan inovatif dan bukannya bersifat statik, dan beku, serta lesu. Janganlah pemimpin yang dilantik cuma ingin mencari kosong *glamour* sahaja. Terdapat juga penyandang adat tidak dipersetujui oleh anak buah untuk menjadi pemimpin. Pelantikan mereka besar kemungkinan kerana pengaruh wang. Kesannya, orang yang berhak terutama yang mahir dari segi adat termasuk teromba telah terpinggir kerana mereka benar-benar mengikut dasar adat yang sebenar.

Pemimpin adat juga disarankan supaya mempergunakan saluran kedinamikan adat itu sendiri sepenuhnya untuk memperkembangkan dan mengemaskinikan adat itu. Jangan meletakkan alasan bahawa adat itu sendiri untuk mundur. Adat sebenarnya memimpin kita untuk maju secara beradab dan terpinpin. Untuk mendapatkan penyesuaian baru, sejajar dengan kedinamikan itu, ia haruslah mengikut lunas-lunas dan melalui proses dan aturan adat yang sebenarnya, iaitu

melalui berkampung, berkerapatan, dan muafakat. Penge-
tahuan dan pemahaman adat dalam kalangan semua pihak
termasuk ketua-ketua adat yang menyandang pusaka, bakal
penyandang pusaka serta anak buah, harus dipentingkan.

Untuk menghadapi era globalisasi ini, masyarakat adat
termasuk pemimpinnya harus mampu mengubah nilai yang
tidak sesuai dengan era sekarang tanpa mengubah jati diri
mereka. Mereka harus memegang teguh pada adat yang
sebenarnya, berbicara lembut, berpakaian yang sebaiknya,
menghindari dosa dan larangan Allah S.W.T. serta lebih baik
mati daripada hidup menanggung malu yang boleh merosak-
kan adat dan agama serta keluarga.

Yang disebut sifat malu
Malu membuka aib orang
Malu menyingkap baju di badan
Malu mencoreng syarak
Malu dilanda adat
Malu tertarung pada lembaga
Harga garam pada asinnya
Harga manusia pada malunya
Tanda parang pada bulunya
Tanda orang pada malunya
Daripada hidup menanggung malu
Elok mati kena palu
Kalau aib sudah menimpa
Hidup di dunia tiada berguna.

(Pilus Maaris, Kuala Pilah, Negeri Sembilan,
10 Mac 2000)

Rujukan

- Abdullah Siddik, 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abbas Ali, 1953. *Rembau: Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadat*. Rembau. Jabatan Undang-undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu.
- Ali Ahmad, 1978. *Dari Pelajaran Asas Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Azizah Kasim, 1969. *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya.
- Flieshman, Edwin A. dan Hunt, James G. (ed.). *Current Development in the Study of Leadership*. Carbondale: Southern Illinois University.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Din Ali, 1957. *Sambaab Cakap dan Pepatah Adat Melayu*. Penggal Ketiga. Tanpa Penerbit.
- Mohd. Taib Osman, 1975. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Selat, 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Norhalim Ibrahim, 1988. "Negeri Sembilan sebagai Identiti Sosio-Politik yang Unik". Kertas kerja dalam Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan. Yayasan Negeri Sembilan, 19 Julai – 1 Ogos.
- Norhalim Ibrahim, 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Norhalim Ibrahi, 1996. *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Wilkinson, R.J., 1901. *A Malay-English Dictionary*. Singapore: Kelly dan Walsh.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1975. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.